

Headline	Malaysia teroka jadi pembekal bakat industri perbankan Islam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Sep 2012	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	197,952
Page No	17	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	124 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,631
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,893



# Malaysia teroka jadi pembekal bakat industri perbankan Islam

KUALA LUMPUR 21 Sept. - Malaysia boleh meneroka peluang sebagai pembekal bakat bagi industri perbankan dan kewangan Islam dunia sekiranya kurikulum dan latihan bagi pembangunan bakat yang dibangunkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) berkualiti tinggi dan mencapai standard global.

Prof. Datuk Dr. Azmi Omar berkata, peluang itu cukup baik untuk diterokai memandangkan permintaan bakat dalam industri berkenaan cukup besar di peringkat sejagat.

Menurut beliau, tawaran perkhidmatan dan produk bagi industri perbankan dan kewangan Islam kini sudah merentasi dalam ekonomi bukan Islam menyebabkan permintaan bagi bakat cukup tinggi.

“Permintaan bagi bakat dalam industri cukup hebat kerana ekonomi-ekonomi dunia menuju ke arahnya (industri perbankan dan kewangan Islam),” katanya ketika ditemui semasa pelancaran kluster pendidikan kewangan Islam sempena Forum Kewangan Islam Global di sini.

Kluster pendidikan kewangan Islam itu merupakan sebahagian daripada Projek Permulaan (EPP) yang diletakkan di bawah NKEA.

Dr. Azmi pernah menjadi dekan Institut Kewangan dan Perbankan Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan kini dilantik sebagai Ketua Pengarah Latihan dan Penyelidikan Islam bagi Bank Pembangunan Islam di Jeddah.

Tambah beliau, penubuhan ins-

titusi kewangan dan perbankan Islam semakin kukuh di Arab Saudi, Libya, Tunisia dan Kaherah.

“Pertumbuhan itu bagaimanapun mengalami kekangan ekoran jumlah bakat yang terhad dalam industri berkenaan.

“Negara-negara berkenaan mahu mengembangkan industri tersebut tetapi tidak mempunyai asas untuk memulakannya,” ujar beliau.

Katanya, Malaysia mempunyai potensi yang baik untuk mengurangkan jurang antara permintaan dan bekalan dengan kedudukannya sebagai pusat kewangan Islam.

“Malaysia boleh mengambil tempat ini dengan membangunkan kurikulum dan latihan yang memenuhi kualiti standard.